



# Peneraju Masa Depan Gemilang Persada

ISSN : 1675 - 2651

Bil. 9. Okt-Dis. 2003

## Unimas menang Anugerah Perdana Menteri 2003



# eBario

# Wacana Editor

## Anugerah Perdana Menteri tutup tirai 2003

Tahun 2003 meninggalkan seribu satu macam kenangan kepada Unimas. Pada tahun 2003 Unimas telah menyambut ulang tahun ke sepuluh penubuhannya. Sambutan sepuluh tahun Unimas telah disambut dengan meriah sekali. Pelbagai acara dan program telah diatur sempena ulang tahun tersebut dengan tema "Unimas, Sedekad Kecemerlangan". Selama sepuluh tahun Unimas telah menempuh pelbagai onak dan duri. Begitu juga banyak kejayaan yang dikecapi oleh Unimas dengan pelbagai pengiktirafan yang diterima daripada usaha yang tidak mengenal penat lelah warga Unimas. Kerjasama yang erat dan perpaduan yang kukuh telah membawa Unimas ke mercu kejayaan.

Pada 18 Disember 2003, iaitu menjelang enam hari Unimas menyambut ulang tahunnya yang ke sebelas pada 24 Disember 2003 dan dalam menanti tirai 2003 dilabuhkan, satu catatan sejarah kegemilangan sekali lagi dicipta apabila Unimas telah berjaya memenangi Anugerah Perdana Teknologi Maklumat Tahun 2003 dalam Sektor Sosioekonomi pada 18 Disember lalu menerusi Projek eBario. Kejayaan ini adalah di antara kejayaan yang paling manis dan berprestij yang telah dicapai oleh Unimas kerana dalam usianya yang muda, Unimas bukan saja telah meletakkan namanya sebaris dan setanding dengan IPTA lain di Malaysia, malah Unimas mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Unimas wajar bergembira kerana pencapaian tahun 2003 menyaksikan Unimas mengadakan hampir 18 persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta lapan aktiviti besar sempena Sambutan Sedekad Unimas termasuklah Malam Sedekad Unimas, Malam Istimewa Unimas dan Malam Unimas 2003.

Malam Unimas 2003 yang diadakan pada 14 Disember lalu merupakan malam penghargaan Unimas kepada semua staf yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang pada tahun 2002, di samping turut juga menghargai dan memberi pengiktirafan kepada staf yang telah mengharumkan nama Unimas dalam bidang sukan dan kebudayaan. Malam Unimas 2003 turut mencatatkan sejarah kerana julung kalinya hampir 900 staf Unimas telah hadir meraikan kejayaan Unimas.

Unimas akan sentiasa menjadi IPTA yang mengamalkan budaya kerja yang cemerlang dan meneruskan usaha dan tekad untuk menjadi sebuah universiti yang gemilang dan terbilang. Semoga Unimas terus cemerlang dan gemilang pada tahun 2004 dan dekad-dekad mendatang.

Syabas Unimas!

## Mutiara Kata

*"Apa yang kita lakukan hari ini akan menentukan dan mencorakkan masa depan kita."*

*"Anda menjadi seperti apa yang anda fikirkan. Bagi menukar keputusan, tukar pemikiran, perasaan dan tindakan."*

*"Fikirkan permusuhan, kita akan dimusuhi. Jika kita fikirkan kebencian, kita akan dibenci. Tetapi sekiranya kita fikirkan kasih sayang, kita akan dikasihi. Ini adalah undang-undang alam. Kita menjadi seperti apa yang kita fikirkan.."*



Peneraju Masa Depan Gemilang  
**Persada**

ISSN: 1675-2681

Bl. 9, Okt-Dis, 2003

### EDITORIAL

#### Penasihat

Prof. Datuk Yusuf Hadi  
*yusuf@cans.unimas.my*  
Prof. Khairuddin Abd Hamid  
*khair@cans.unimas.my*  
Prof. Abdul Rashid Abdullah  
*ara@cans.unimas.my*  
Prof. Sulaiman Hanapi  
*sulaiman@cans.unimas.my*  
Prof. Dr. Hamsawi Sani  
*awi@cans.unimas.my*

#### Sidang Editor

Zulkarnain Kipli  
*kzulkarnain@cans.unimas.my*  
Noorma Ismail Yusuf  
*inoorma@cans.unimas.my*  
Norinda Krang Su'ut  
*snorinda@cans.unimas.my*

#### Baca Prof

Bujang Ahim  
*abujang@cans.unimas.my*  
Rohaida Mohamad  
*mrohaida@cans.unimas.my*

#### Jurufoto

Haimey Abdul Razak  
*arhaimey@cans.unimas.my*

#### Sumbangan

Pusat Pemajuan Pelajar  
Fakulti Sains Kognitif dan  
Pembangunan Manusia  
Pusat Khidmat Maklumat Akademik  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
Mohd. Fairus Abd. Majid  
Ahmad Mujid Abd. Wahab

#### Edaran

Unit Penerbitan Unimas

#### Penerbit

Unit Penerbitan,  
Bahagian Canselori,  
Universiti Malaysia Sarawak  
93400 Kota Samarahan, Sarawak.  
Tel: 082-671000  
Faks : 082-672411

**Persada** diterbitkan tiga bulan sekali sebagai wadah terkini warga kampus. Kami di Unit Penerbitan mengalu-alukan sumbangan dari para pembaca terutama sekali warga Unimas untuk dimuatkan di dalam Persada. Sumbangan bolehlah dalam bentuk artikel, rencana, kertas kerja, cerpen, syair, berita semasa dan sebagainya. Setiap sumbangan bolehlah dialamatkan terus kepada Unit Penerbitan Unimas.

# eBario wins Prime Minister's Award

On 18 December, eBario, a joint project by Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) and the Bario community, won the Information Technology Premier Award (ITPA) (socio-economic sector). The Award was presented by the Prime Minister of Malaysia, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. On hand to receive the ITPA were Unimas Vice Chancellor, Professor Datuk Yusuf Hadi, and Deputy Vice-Chancellor (Development) and eBario Project Leader, Professor Dr. Khairuddin Ab Hamid. With the Award, the eBario project won RM 10,000 cash, a trophy and the right to use the Award's logo.

The ITPA is jointly coordinated by MAMPU under the Prime Minister's Department, and the Malaysian Association of Computer and Multimedia Industry (PIKOM). It is presented to organizations, which have demonstrated excellence in the application of information technology and awarded in three categories: public, private and socio-economic sector. This year, there were six nominations received for the socio-economic sector, of which, only three were short-listed, namely, eBario (Unimas), IT Community Centre (Selangor State Secretary's Office), and NutriWeb (Nutrition Society of Malaysia).

eBario is a pilot research project involving the innovative application of ICTs (Information and Communication Technologies) with the goal of continually sustaining social and economic programs in a rural community in Sarawak which does not have the basic amenities such as



*Prof. Datuk Yusuf Hadi received a trophy from Prime Minister.*

electricity, water and telecommunications. This project has realized a computer laboratory and a community telecentre, both of which are heavily utilized by the community. The computer laboratory at the school is equipped with computers as well as internet access and is used by the students. The telecentre on the other hand provides education, e-government services, e-commerce, health, tele-medicine and personal communication. Computers at the school are powered by diesel generators, while computers at the telecentre are solar-powered. This internet access is provided through a satellite via solar-powered VSAT (very small aperture terminal), a telecommunication system. Among the important findings of the research include the fact that the success of the eBario project has been largely due to the active participation of the Bario

community. For example, the Bario community, guided by eBario research team, was involved in identifying the problems, as well as the ICT solutions to their problems. Furthermore, the active involvement of local champions, such as Poline Bala (a Kelabit lecturer from Unimas), John Tarawe (project coordinator in Bario), and Lucy Bulan (Principal of SMK Bario) contributed to the success. The multi-disciplinary eBario research team allowed the project team to be flexible and was able to tackle the unique problems faced in the eBario project. The project involves research staff of different disciplines such as social sciences (Poline Bala), engineering (Prof. Khairuddin and Hushairi Zen), information technology (Dr. Alvin Yeo), education technology (Jayapragas Gnaniah), human resource development (Professor Peter Songan and Noor Shah Mohd. Salleh). In addition, partnerships with the Sarawak State Government, Ministry of Education and the Ministry of Energy Communications and Multimedia, as well as funding bodies such as the National IT Council and the International Development Research Centre, Canada are also essential in the success of the project. In sum, for such ICT projects for rural communities to succeed, there is a need to focus on people, organization, contents and processes rather than just on the technologies.

This is the third award won by the eBario Project. Other awards include the Industry Innovators Award for Systems Development & Applications from the Society of Satellite Professionals International (March 2002, Washington DC), and Bario was named one of the Top Seven Intelligent Communities by the World Teleport Association in 2001.



*Prof. Khairuddin Ad. Hamid, eBario project leader, fourth from left with the other research team.*

# P. Ramlee, warisan seni yang tinggi



Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud merasmikan seminar.

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) Universiti Malaysia Sarawak dengan kerjasama Petronas telah menganjurkan Seminar Pemikiran Semula P. Ramlee pada 6 dan 7 Disember 2003 di Hotel Hilton, Kuching. Seminar dua hari itu telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud.

Antara objektif seminar tersebut ialah untuk mengenali P. Ramlee secara lebih dekat dan ilmiah, untuk menggalakkan pertukaran pengetahuan mengenai kajian P. Ramlee di rantau ini dan untuk menggalakkan lebih banyak penyelidikan akademik dan eksplorasi artistik. Selain memahami kepentingan dan makna filem dan muzik dalam konteks artistik, kebudayaan dan konteks sosial, Seminar ini juga diharap menggalakkan generasi baru lebih peka dan berani dalam melakukan penilaian semula dalam kesenian sejajar dengan perkembangan pesat teknologi dan sosial.

Dengan temanya 'P. Ramlee Daripada Perspektif Baru' seminar ini memfokuskan terhadap perkembangan artistik dan kreativiti, lirik, komposisi, skrip-skrip dan pengarahannya.

Dalam ucapannya, Pehin Sri menyatakan bahawa P. Ramlee telah mewariskan satu keintelektualan seni yang bernilai tinggi untuk dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada generasi kini. Warisan

tersebut telah memberi inspirasi bagaimana segala macam kegetiran dan cabaran boleh dihadapi untuk memajukan seni bangsa ke arah kecemerlangan.

Beliau berasa kecewa anak-anak muda zaman sekarang telah mengenyepikan filem-filem dan lagu-lagu ciptaan Allahyarham seniman agung P. Ramlee, sebaliknya mengagung-agungkan muzik-muzik dari luar yang tidak bercirikan budaya tempatan. Berdasarkan perkara itulah beliau telah berusaha dengan pelbagai cara untuk mengetengahkan hasil seni P. Ramlee dengan mengadakan pertandingan lagu-lagu P. Ramlee. Hasil usahanya itu dengan perlahan telah dapat diterima bukan sahaja oleh golongan tua bahkan golongan anak muda sehingga kepada kanak-kanak.

Pehin juga memuji sikap P. Ramlee yang tidak pernah berputus asa dalam berkarya, walaupun beliau tidak mendapat pendidikan secara formal dalam bidang seni namun keazamannya dan bakat seni yang ada pada dirinya telah dapat menghasilkan karya-karya yang bermutu dan diminati ramai sehingga kini.

"Warisan yang ditinggalkan oleh P. Ramlee harus dijadikan sebagai satu landasan untuk kita bertindak pada masa akan datang," ujar beliau.

Terdahulu Prof. Madya Ahmad

Khiri, Dekan FSGK dalam ucapannya menyatakan bahawa Unimas akan memainkan peranan mendidik, melatih dan melahirkan graduan yang mengkhusus dalam bidang muzik, filem, drama, teater dan sinematografi yang berilmu.

Tambah beliau lagi, usaha ini diharap akan dapat melahirkan karya yang dapat mengimbangi mutu karya P. Ramlee, malah ke tahap yang lebih jauh setaraf dengan filem-filem dari Hollywood dan Bollywood. Usaha ini akan menjadi pemangkin kepada industri seni di rantau ini dengan melahirkan ramai ahli seni profesional pada masa akan datang.

Sebanyak 20 kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar tersebut. Antara pembentang tersebut ialah Tan Sri Dato' Seri (Dr) Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid, Dato' Johan Jaafar, Dato' Jins Shamsuddin, Dato' Haji Jamil Sulong, Dato' Abdullah Hussain, Hamzah Hussin, Abdul Wahab Hamzah, Dr. Mahadi J. Murat dan Dr. Victor A Pogadaev.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohamad Nor, Naib Canselor Unimas, Prof. Datuk Yusuf Hadi dan Menteri Muda Pembangunan Perindustrian Sarawak, Datuk Awang Tengah Ali Hassan.

# Welcoming changes for k-workers

by Norinda K. Su'ut

With the theme, *Preparing Knowledge Workers for Nation Building*, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), the State Government of Sarawak and National Institute of Public Administration (INTAN) had jointly organized the first National Conferences on Human Resource Development (HRDC2003). The two-day conference held in conjunction with Unimas 10th Anniversary and Sarawak 40th Celebration aimed to promote the exchange and dissemination of information on empowering knowledge workers to face the k-economy.

Y.B. Dato Sri Haji Adenan Hj. Satem, in delivering the speech on behalf of Chief Minister of Sarawak, Y.A.B. Pehin Sri Dr.Haji Abdul Taib Mahmud said, "Malaysian workers today must be well informed about their own country and the entire world in order to be flexible in career aspirations and be able to adapt to all changes in the workplace, in other words, knowledge worker".

He added that the great impact of technology in the workplace would continually challenge the training and human resources departments in every organization. Thus, HRD's role is to train and develop the workers including updating and upgrading job skills while enabling them to be multi-skilled. Knowledge in information and communications technology and computer should be prioritized so that they can be called k-workers.

"Through this we can create a public service that is efficient and



Y.B. Dato Sri Haji Adenan Satem at the opening ceremony.

responsive to the needs of the society and stressed that every organizations must take the initiative to contribute towards the success of Malaysia's Economic Master Plan to be a fully developed country by the year 2020". Adenan stressing out more on the point in his speech during the launching of HRDC2003 on 15-16 December 2003 at Hilton Hotel.

There were about 51 papers presented during the conference including keynotes. Invited speakers were YM Tengku Tan Sri Dr Mahaleel bin Tengku Ariff, the Chief Executive Officer of Proton, Madam Latifah Daud-Assistant General Manager and Chief of Career Development Programme MOTOROLA MALAYSIA, Prof John Sharp, Salford University, UK and Madam Zanifa Md Zain from Economics Planning Unit. Practitioners whom also were prominent figures in business, international expert and policy makers presented ten papers. Public service officers, corporate executives, intellectuals and students throughout the country presented the rest of the papers during this two-day conference. The conference attracted 290 audiences from civil service, academia and corporate bodies.

Earlier, Conference Chairman and Dean of Faculty of Cognitive Sciences and Human Development, Unimas, Encik Abang Ekhsan Abang Othman in his speech

extended his warmest welcome and thanking all participants for attending and sharing ideas and experience in the field of human resource development and management.

"The presence of Human Resource practitioners in a scholarly forum would help bridge the gap between mere theoretical engineering and practical hands-on experiences," said the dean, and added that HRDC 2003 certainly comes at the opportune time as our country is at the critical turning point development.

"The networking among academician, corporate leaders, policy makers and professional practitioners is crucial in our programmes in developing and managing human resource is very important", he added.

He added that workers nowadays are increasingly recognized as the most important resource in the economic and industrial development of any nation. He also expressed his gratitude to the Sarawak State Government and INTAN for their support, contribution and commitment as co-organizers of the HRDC2003.

Also present at the event were The State Secretary YB Datuk Amar Hj Abdul Aziz Hj Husain, Vice Chancellor (Development) Prof. Khairuddin Ab Hamid, University Board of Director Datu Peter Minos, Director of INTAN Dr. Zulkifli A. Hassan, Deans and Deputy Deans of Unimas.



Participant from all over the country.

# Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Jasa dan pengorbanan staf Unimas tidak dilupakan. Justeru itu sebagai mengenang jasa dan khidmat mereka kepada Unimas, satu majlis telah diadakan untuk meraikan mereka. Majlis yang dikenali sebagai Malam Unimas diadakan pada 14 Disember 2003 di Crowne Plaza.

Dalam perutusannya Naib Canselor berkata Malam Unimas diadakan bertujuan merakamkan tanda penghargaan kita kepada semua staf yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2002. Selain itu majlis tersebut juga bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang telah mengharumkan nama Unimas melalui kejayaan masing-masing. Antaranya, mereka yang mendapat anugerah dan pengiktirafan melalui bidang sukan dan kebudayaan.

Beliau berharap agar mereka yang mendapat anugerah perkhid-



*Prof. Datuk Yusuf Hadi menyampaikan sijil kepada Prof. Peter Songan.*

matan cemerlang akan terus berkhidmat dengan cemerlang pada masa akan datang. Jasa dan sumbangan staf lain yang juga berkhidmat dengan cemerlang tidak akan dilupakan.

Beliau juga berharap dengan adanya majlis seperti ini akan dapat mengeratkan lagi perhubungan dan kerjasama dikalangan staf dan akan

menjadikan Unimas sebagai universiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Seramai 74 orang staf Unimas telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk tahun 2002. Mereka yang mendapat APC telah menerima wang sejumlah RM1000 dan sijil yang di sampaikan oleh Naib Canselor Unimas.

## Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2003

### Staf akademik

Ahmad Khiri bin Mohd Zain (Prof Madya)  
Andrew Charles Aeria (Dr)  
Awangku Abdul Rahman B. Pgn. Hj. Yusof (Dr)  
Fitri Suraya binti Mohamad Hapni  
Gregory Wee Lik Hoo  
Indraneil Das (Prof Madya)  
Kamsiah binti Ali  
Kopli bin Bujang (Prof Madya Dr)  
Mariah Ahmad (Prof Madya Dr)  
Mohamad bin Jais  
Mohd Faisal Syam bin Abdol Hazis  
Narayanan Kulathuramaiyer (Prof Madya)  
Peter Songan (Prof Dr)  
Philip Nuli Anding  
Rashidah Ab Wahab  
Rossazana binti Abd Rahim  
Salti ak Bail  
Shamsu bin Mohamad  
Spencer Empading Sanggin (Prof Madya Dr)  
Wan Jamarul Imran b Wan Abdullah Thani  
Zulkalnain bin Zainal Abidin  
Zunika binti Amit

### Staf pengurusan dan pentadbiran

Ahmad Mujid bin Abdul Wahab  
Azeemah binti Ahmad  
Catherine ak Longgah  
Cheah Whye Lian  
Hadijah Hj Morni  
Humphrey Rayang Janang  
Latifah Loh Abdullah  
Salbiah binti Salleh  
Saptuyah binti Hj Mahmud  
Zubaidah binti Abd Ghani

### Staf sokongan

Abd. Razak Hossen  
Alias bin Baki  
Ashor bin Ayok  
Bunia binti Samiran  
Dahiri bin Saini  
Dyg Aluha binti Awg Tengah  
Faishall bin Roslee  
Hajjiah binti Awang Sulong  
Hamzah bin Mohd Sa'ee  
Haslina binti Hamdan  
Ilyiana Abdullah  
Janaliah binti Ahmat  
Jolhi bin Sebi

Laila binti Hj. Tambi  
Limjatai Kadin ak Patrick  
Man bin Nasa  
Masri bin Zaini  
Mohd. Afandi bin Mat Sani  
Mohee bin Janie  
Mohsin bin Zainal Abidin  
Mokminah Tamam  
Ng Juet Eng  
Norashikin Abdul Rahman  
Norimah binti Taip  
Padil bin Dilah  
Pariam binti Osman  
Rakem ak Gubek  
Rambli bin Sa'et  
Rohilan bin Ahmad Darus  
Rosbani bin Bujang  
Roslie bin Remin  
Roziyah binti Majlan  
Sang ak Angie  
Saricee binti Kundu  
Sebehat bin Bujang  
Sulian binti Mohammad Alias  
Suraini binti Mohem  
Surayati Tahar  
Suzana binti Tanglong  
Wiani bin Haji Freddie Eli  
Yeo Ah Hock  
Zainudin bin Bakar

# Koperasi Unimas Berhad semakin berkembang

Koperasi Unimas Berhad (KUB) telah ditubuhkan pada 5 November 2002. Matlamat utama penubuhannya adalah untuk memberi perkhidmatan keperluan harian kepada warga Unimas dan masyarakat sekitar disamping memupuk semangat keusahawanan dan mengurus ekonomi secara bergotong royong di kalangan ahli.

KUB ditadbir oleh 15 orang ahli lembaga koperasi, terdiri daripada pengerusi, setiausaha, naib setiausaha, bendahari, naib bendahari dan ahli-ahli lembaga koperasi. Manakala, di bahagian pengurusan pula, koperasi diuruskan oleh seorang pengurus, dibantu oleh beberapa eksekutif dan dibantu oleh beberapa orang pembantu operasi.

Antara misi KUB ialah mewujudkan persekitaran keusahawanan di kalangan ahli koperasi dan komuniti Unimas melalui pengwujudkan kedai runcit dan kedai cenderamata untuk kegunaan harian, mewujudkan kesedaran mengenai bidang perniagaan dan selok-belok perniagaan di kalangan ahli koperasi melalui penganjuran kursus, seminar dan latihan dalam bidang keusahawanan serta mewujudkan peluang perniagaan kepada ahli melalui penyertaan bersama dalam perniagaan kedai runcit koperasi.

Menurut Pengurus Koperasi Berhad, Encik Ahmad Mujid Abdul Wahab, pihaknya mengalu-alukan penyertaan daripada staf Unimas

untuk menjadi ahli koperasi. Permohonan boleh diajukan terus kepada pejabat Koperasi Unimas atau melalui laman web: [www.unimas.my/koperasi/home.html](http://www.unimas.my/koperasi/home.html).

Antara faedah kepada ahli ialah nilai harga jualan barangan koperasi pada harga yang kompetitif dengan harga yang ditawarkan di pasaran, pemberian kadar potongan harga kepada ahli dan pelanggan tetap koperasi, dan pembahagian keuntungan koperasi berdasarkan sumbangan dan nilai beli saham koperasi secara keseluruhan.

Menurut beliau lagi, antara objektif koperasi ialah menawarkan kemudahan harian kepada warga universiti pada harga yang kompetitif dan bersesuaian, menjimatkan masa warga universiti dalam mendapatkan keperluan harian dengan kos berpatutan dan memberi pendedahan dan memupuk kerjasama ahli koperasi tentang selok belok keusahawanan dan tabiat menabung.

Walaupun baru berusia setahun jagung tetapi telah banyak aktiviti dan program telah dilaksanakan oleh Koperasi Unimas Berhad seperti kedai runcit, aktiviti kebajikan dan sosial. Baru-baru ini sempena dengan ulang tahun KUB yang pertama satu program telah diadakan yang dikenali sebagai 'Consumer cum Co-operative Day'. Program ini adalah anjuran bersama Koperasi dengan Canon Marketing (M) Sdn.

Bhd. Program ini juga telah diselitkan dengan Majlis Ramah Tamah Aidil Fitri dan juga Majlis Pelancaran Logo Korporat KUB.

Pada masa ini para ahli dan pelanggan koperasi boleh berurusan dengan kedai koperasi di dua lokasi iaitu dua di dalam kampus dan satu di Kolej Tun Ahmad Zaidi Adruce. Antara perkhidmatan yang boleh didapati di kedai KUB ialah barangan runcit, alat tulis dan cenderamata, perkhidmatan fotokopi dan membaiki komputer. Selain itu KUB juga menawarkan perkhidmatan pos mini dan pos laju di dalam kampus.

KUB juga telah menyusun beberapa perancangan pada masa akan datang untuk mengembangkannya lagi sayapnya. Antaranya ialah membuka kaunter tiket syarikat penerbangan AirAsia di kedai koperasi di kampus Unimas. Dengan adanya kaunter itu nanti akan memudahkan kakitangan dan pelajar khususnya yang berasal dari semenanjung mendapatkan tiket penerbangan. Mereka tidak payah lagi mendapatkan tiket tersebut di Kuching. Menurut pengurusnya, kaunter tersebut akan mula beroperasi awal tahun 2004.

Selain itu projek-projek lain yang dalam perancangan ialah membuka rangkaian kedainya di stesen petrol sekitar Kota Samarahan, pelaburan hartanah, pelaburan dalam projek perumahan dan kemudahan pinjaman untuk ahli.



Kedai runcit KUB di Unimas.



Tenaga penggerak KUB



Sambutan 'Consumer cum Co-operative Day'.

# Sekitar Malam Unimas 2003...



# Sekitar Seminar Pemikiran Semula P. Ramlee...



## MISI UNIMAS

Untuk menjadi sebuah universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa; dan sebagai institusi pengajian tinggi yang menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian kecemerlangan dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan keserjanaan



pendaftar sedang menyampaikan taklimat.

# Kursus Orientasi

Unit Latihan telah mengadakan kursus Orientasi (Modul A) untuk staf bukan akademik pelbagai kategori yang baru dilantik pada 10 – 11 November 2003 di Dewan Kuliah 7 Unimas. Seramai 150 staf telah mengikuti kursus tersebut.

Dalam ucapannya semasa merasmikan kursus tersebut Naib Canselor, Datuk Yusuf Hadi menyatakan bahawa kursus ini penting untuk memberi pendedahan terhadap beberapa aspek tentang Unimas kepada staf baru agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan suasana di kampus.

Tambah beliau lagi, misi Unimas ialah untuk menjadi universiti yang setaraf dengan universiti lain di peringkat antarabangsa dan dengan itu

peranan yang dimainkan oleh staf amat penting dalam membantu menjadikan impian Unimas menjadi kenyataan. Kursus sebegini akan memberi pendedahan kepada peserta mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran Unimas.

Beliau juga berpesan kepada staf baru supaya berdisiplin dalam apa juga aspek atau tugas yang dilakukan dalam menjalankan tugas seharian.

Selain daripada itu beliau juga mengingatkan bahawa sebagai kakitangan kerajaan mereka hendaklah taat dan patuh kepada peraturan dan undang-undang kerajaan semasa menjalankan tugas.



Berjanji taat setia kepada Unimas.

## Hydrilla menang lagi...



Hydrilla banyak terdapat di tasik Unimas.

Penyelidikan oleh Encik Shamsu Mohamad yang berkaitan rumpai hydrilla tasik Unimas

sekali lagi merangkul Anugerah Merit daripada *The Institution of Engineers Malaysia (IEM)* semasa pameran Penyelidikan IPTA di PWTC iaitu 9-12 Oktober 2003. Penyelidikan beliau di bawah kategori Tenaga, Produk dan Alam Sekitar.

Sebelum ini kajian beliau juga telah memenangi Anugerah Merit oleh Institut Bahan Malaysia pada 2001, diikuti dengan pingat emas oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia pada 2002 dan Special Awards oleh Invention & New Product Exposition (INPEX), USA pada tahun yang sama.

Pada pameran ini beliau telah menggunakan sekam padi dan rumpai hydrilla sebagai bahan utama pembuatan gerlis untuk digunakan membuat produk seramik. Menurut beliau faktor seni dan sains yang digabungkan telah menarik penilai semasa penilaian markah dijalankan. Anugerah merit yang diterima daripada IEM, INPEX, Institut Bahan Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar merupakan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa terhadap penyelidikan Unimas.

## Majlis Berbuka Puasa bersama Tun Canselor

Universiti Malaysia Sarawak telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama Tun Canselor sempena bulan Ramadhan 2003 yang lalu. Majlis Berbuka Puasa Bersama Tun Canselor, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad

Salahuddin bersama isteri, turut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Unimas termasuk Naib Canselor Unimas, Prof. Datuk Yusuf Hadi serta isteri, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Prof. Khairuddin Ab. Hamid dan Prof. Haji Sulaiman Haji Hanapi ber-

sama isteri masing-masing. Majlis tersebut turut dihadiri oleh dekan dan timbalan dekan serta staf dan pelajar Unimas.

Dalam majlis tersebut Tun Canselor Unimas turut menghadiri solat Tarawikh bersama staf dan pelajar Unimas.



Naib Canselor Unimas, Prof Datuk Yusuf Hadi mengiringi TYT Tun Canselor menuju ke Surau Unimas untuk solat Tarawikh.



TYT Tun Canselor, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin (nombor tiga dari kiri) dan Naib Canselor Unimas Prof. Datuk Yusuf Hadi (nombor dua dari kiri) di Majlis Solat Tarawikh bersama staf dan pelajar Unimas.



TYT Tun Canselor bersalaman dengan staf dan pelajar Unimas selepas solat Tarawikh.

# PKMA Unimas semakin mantap

Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) Unimas ditubuhkan pada awal tahun 1993 dan memulakan operasinya pada bulan Mei 1993. PKMA berfungsi sebagai sebuah pusat ilmu dan maklumat bagi Unimas. PKMA membantu universiti untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang

lumut yang dikehendaki.

Usaha untuk mengukuhkan koleksi buku, media dan jurnal sama ada dalam bentuk bercetak mahupun elektronik sangat penting untuk memastikan koleksi sentiasa relevan dengan perkembangan pembelajaran, pengajaran, dan penyelidikan di sesebuah universi-

jalankan tugas seharian mereka dengan lebih cekap dan berkesan.

Di bawah Projek Perpustakaan Digital Kebangsaan (PERDANA), lebih banyak maklumat-maklumat elektronik disediakan melalui pangkalan data kandungan tempatan dan juga pangkalan data komersial. PKMA juga memainkan peranan memperkenalkan hasil penerbitan warga Unimas kepada pengguna melalui laman web Unimas. Bermula bulan November 2001, Pusat telah memulakan projek *CAIS Digital*. Ia merupakan satu dari inisiatif PKMA di bawah Projek PERDANA. Melalui projek ini, Pusat membangunkan pangkalan data tempatan dengan mendigitalkan kesemua penerbitan Unimas seperti buku, laporan tahunan, tesis dan kertas projek, prosiding, kertas penyelidikan, kertas kerja, gambar dan video, ebuku dan eArtikel untuk dimasukkan ke dalam pangkalan data tersebut.



*Kakitangan PKMA.*

pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan. Sumber akademik yang terdapat di PKMA sangat mustahak untuk meningkatkan kecemerlangan akademik di Unimas. Peranan Unimas sebagai sebuah IPTA membolehkan PKMA berfungsi sebagai sebuah pusat maklumat yang cemerlang berorientasikan pengguna bagi pemerolehan, pemerosesan dan penyebaran maklumat di kalanganarganya.

Pelbagai kemudahan dan perkhidmatan boleh didapati di PKMA. Kemudahan pengkomputeran dengan akses penuh ke internet disediakan secara percuma di makmal komputer Pusat. Melalui Sistem Perpustakaan bersepadu penuh, pengguna rangkaian boleh mengakses koleksi Pusat melalui Katalog Dalam Talian walau di mana juga mereka berada. Pengguna juga boleh mengakses terus melalui internet kepada eJurnal dan pangkalan data dalam talian tanpa perlu pergi ke Pusat untuk mendapatkan mak-

ti. Sehubungan itu Pusat telah bekerjasama dengan semua perpustakaan IPTA yang lain di Malaysia untuk memperoleh lebih banyak bahan-bahan elektronik terutama pangkalan data-pangkalan data teks penuh bagi memastikan lebih banyak bahan-bahan dapat diakses serta merta seperti eJurnal, ebuku dengan harga yang lebih rendah. Sehingga kini koleksi Pusat sudah menjangkau lebih dari 100,000 naskah buku termasuk lebih 7000 eJurnal dan hampir 3000 set bahan media.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang dirancang dengan baik telah membantu PKMA menawarkan perkhidmatan dan kemudahan yang baik dan berkesan kepada pengguna-penggunanya. Dengan peralatan IT yang lengkap dan rangkaian sistem maklumat yang sedia ada di Pusat telah dapat menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada para penggunanya. Selain itu ia juga telah membolehkan staf-staf Pusat men-

*bersambung ke muka surat 12*



*PKMA dilengkapi dengan kemudahan makmal komputer.*

*bersambung dari muka surat 11*

Pusat juga telah membangunkan Koleksi Asia Tenggara pada akhir tahun 2001. Pengwujudan koleksi ini teretus hasil sumbangan daripada Profesor Marvin Rogers dari Amerika Syarikat. Nama beliau begitu terkenal di rantau ini kerana terlibat secara aktif dalam penyelidikan tentang negara-negara Asia, terutama di Asia Tenggara. Ini diikuti pula sumbangan daripada keluarga mendiang Anthony

pameran Sedekad Kecemerlangan Unimas dari 1 hingga 21 Ogos 2003 bertempat di PKMA. Pameran ini bertujuan untuk mempamerkan pencapaian Unimas dalam pelbagai bidang seperti pembelajaran, pengajaran, dan penyelidikan selama sedekad. Peristiwa-peristiwa penting Unimas dalam akhbar, gambar-gambar yang merakamkan detik-detik penting Universiti, anugerah dalam bentuk

Dari segi kerja sama serantau, PKMA merupakan ahli di dalam k@Borneo iaitu, kerjasama serantau dalam perkembangan dan Perkongsian Maklumat Koleksi Borneo dengan anggotanya terdiri dari institusi atau organisasi dari Sarawak, Sabah, Brunei dan Kalimantan. Puan Margaret Simeng dan Prof. Michael Leigh menganggotai Jawatankuasa Pemandu sementara Puan Zainun Mat Nor meng-



*Profesor Marvin Rogers (tengah) menyumbang koleksi beliau kepada PKMA.*

Richards. Penyumbang-penyumbang lain yang turut menyumbang untuk memantapkan koleksi ini ialah daripada R.N. Hilton dan keluarga mendiang W.R. Geddes. Koleksi ini telah menjangkau lebih dari 6000 naskah bahan termasuk bahan yang diterbitkan dalam tahun 1881.

Tahun 2002 juga menandakan satu lagi titik bersejarah bagi PKMA di mana sebuah Perpustakaan Perubatan telah dibuka di bangunan baru Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan di Lot 77, Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce, Kuching bagi menyokong keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan fakulti. Ia boleh menampung seramai 200 orang pengguna, dua makmal komputer yang menempatkan 60 tempat duduk dan rak buku yang boleh memuatkan sehingga 80,000 naskah bahan. Koleksi bahan perpustakaan setakat ini sudah menjangkau 13,000 naskah buku dan lebih kurang 400 judul jurnal serta 300 set bahan media.

Sempena menyambut ulang tahun sedekad Unimas, PKMA telah diberi penghormatan untuk menganjurkan

piala dan plak yang diperolehi, bahan penerbitan yang dihasilkan oleh staf Unimas juga dipamerkan.

Sejajar dengan perkembangan pesat dalam penghasilan serta penyebaran maklumat, Pusat perlu menumpukan kepada pendidikan pengguna atau kemahiran maklumat untuk memastikan semua pengguna cekap menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Kemahiran maklumat perlu dipertingkatkan untuk memudahkan pengguna mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan dan kemudahan yang ada. Sesi penerangan dan bengkel mengenai kemahiran maklumat secara berjadual dan berterusan sentiasa diadakan dari semasa ke semasa untuk memastikan mereka sentiasa peka dengan perubahan teknologi dan perkembangan baru di Pusat.

Dengan adanya sokongan serta keperihatinan pengguna terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan untuk mereka, PKMA pasti mampu memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada para penggunanya.

anggotai Jawatankuasa Kecil Penerbitan dan Pendigitalan. Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor merupakan seorang daripada penandatanganan bagi kerja sama tersebut. Setakat ini, sebuah bibliografi telah dihasilkan dan ianya akan dilancarkan tidak lama lagi.

Pusat pada masa ini menumpukan penuh perhatian kepada pembangunan bangunan tetapnya yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2004. Dengan perancangan yang teliti dari segi pembangunan fizikal, infrastruktur, kemudahan IT serta sumber manusia, Pusat pasti dapat memberi kemudahan dan perkhidmatan yang lebih mantap dan berkesan kepada pengguna.



*PKMA sentiasa mengadakan bengkel dan kursus dari semasa ke semasa untuk mendidik pengguna.*

# Aneka peristiwa di Unimas

## 6 Oktober

Unimas telah menjadi tuan rumah Mesyuarat TTNC/TR IPTA kali ke-141 yang diadakan di Hotel Crowne Plaza Riverside, Kuching. Seramai 40 orang mewakili institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia yang terdiri daripada Timbalan-timbalan Naib Canselor /Timbalan Rektor Hal-Ehwal Pelajar dan pegawai-pegawai Hal-ehwal Pelajar. KUITHHO akan menjadi tuan rumah pada mesyuarat yang akan datang.

## 10 Oktober

Pusat Khidmat Teknologi Maklumat & Komunikasi dengan kerjasama Unit Latihan telah mengadakan Bengkel Lotus Notes Updates dari 10 – 13 Oktober 2003. Bengkel tersebut diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan berkongsi maklumat terkini kepada kakitangan Unimas tentang aplikasi GOE dan memberikan tip-tip berkaitan aplikasi GOE yang bermanfaat kepada pengguna.

## 13 Oktober

Unit Latihan, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Manusia telah mengadakan Kursus Induksi Umum Kumpulan II & III bermula dari 13–24 Oktober 2003. Seramai 50 orang staf dalam kumpulan II dan III, Unimas telah mengikuti kursus tersebut yang diadakan di Bilik Belian, Unimas.



*Peserta Kursus Induksi.*

## 27 Oktober

Seramai 48 pelajar tahun satu hingga tahun tiga Unimas yang mewakili pelbagai fakulti mengikuti Program Jalinan Citra Budi 2003 di Kampung Igan.

Program tersebut dianjurkan bersama oleh Kelab Badan Kebudayaan Unimas, Kelab Pembimbing Rakan Intelektual Unimas dengan kerjasama Pusat Pemajuan Pelajar Unimas serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Igan.



*TTNC/TR IPTA*

## 1 November

Pengurusan Unimas telah membuat pelantikan berikut berkuatkuasa 1 November 2003:

- Prof. Madya Dr. Abd Mutalip Abdullah sebagai Dekan Fakulti Sains Sosial.
- Prof. Madya Narayanan Kulathuramaiyer sebagai Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (dilantik semula).
- Prof. Madya Dr. Kopli Bin Bujang sebagai Pengarah Pusat Pindahan Teknologi dan Perundingan (dilantik semula).
- Prof. Madya Dr. Andrew Alex Tuen sebagai Pengarah Institut Kepelbagaian Biologi & Pemuliharaan Alam Sekitar.
- Dr. Mustafa Abdul Rahman sebagai Timbalan Dekan (Prasiswazah dan Pemajuan Pelajar) di Fakulti Sains dan Teknologi Sumber.
- Dr. Lee Nyanti @ Janti Chukong sebagai Timbalan Dekan (Pasca siswazah dan Penyelidikan) di Fakulti Sains dan Teknologi Sumber.
- Prof. Madya Dr. Shabdin Mohd Long sebagai Ketua Unit Pengurusan Penyelidikan.
- Dr. Ismail Jusoh sebagai Ketua Program Sains dan Pengurusan Sumber Tumbuhan di Fakulti Sains dan Teknologi Sumber.
- Dr. Mohd Tajuddin Abdullah sebagai Ketua Program Sains dan Pengurusan

Sumber Haiwan di Fakulti Sains dan Teknologi Sumber.

- Encik Khairul Adha A. Rahim sebagai Ketua Program Sains dan Pengurusan Sumber Akuatik di Fakulti Sains dan Teknologi Sumber.
- Puan Norazila Dato' Abdul Aziz sebagai Ketua Program Pendidikan di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (berkuatkuasa 1 Oktober 2003).
- Puan Farah Hanani Abdul Rahman sebagai Penyelaras Kursus-Kursus Bahasa di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia.

## 12 November

Unit Latihan, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan Kursus dan Bengkel Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi Staf Bukan Akademik Pelbagai Kategori Unimas di Bilik Belian, Unimas. Kursus tersebut bermula pada 12 – 13 November 2003.

Tujuan program ini ialah untuk memberi kesedaran, kefahaman serta latihan dalam menyediakan dan menyelenggara kedua-dua jenis dokumen ini sebagai satu alat pengurusan dan pelaksanaan tugas serta tanggungjawab selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.8/1991.

*bersambung di muka surat 14*

*bersambung dari muka surat 13*

#### 4 Disember

Satu rombongan seramai empat orang dari Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa telah membuat lawatan ke Unimas. Rombongan tersebut diketuai oleh Prof. Datu Dr. Syed Arabi Idid.

#### 8 Disember

Bahagian Pengurusan Aset (BPA) telah mengadakan Majlis Ramah Tamah Hari Raya Aidil Fitri di Perkarangan Depo Kenderaan (BPA). Majlis bermula dari pukul 11.00 hingga 1 tengah hari.

#### 9 Disember

Star Cineplex Kuching dengan kerjasama Majlis Perwakilan Palajar Unimas dan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Unimas telah menganjurkan satu tayangan perdana filem 'Jutawan Fakir'. Tayangan tersebut diadakan di Dewan Unimas.

#### 13 Disember 2003

Fakulti Kejuruteraan telah mengadakan Majlis Ramah Tamah Aidil Fitri di Fakulti Kejuruteraan bermula pukul 10 pagi.

#### 17 Disember

Pusat Khidmat Teknologi Maklumat & Komunikasi (CICTS) dan Pusat Pemindahan Teknologi Maklumat (CCTC) telah mengadakan Majlis Ramah Tamah Aidilfitri di foyer masing-masing.

#### 18 Disember

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif telah mengadakan Majlis Ramah Tamah Aidil Fitri di Galeri ET, Unimas.

#### 23 Disember

Pejabat Hal-ehwal pelajar telah mengadakan ramah tamah Aidil Fitri di Bilik Rehat Pelajar, Unimas.

#### 27 Disember

Kumpulan Tari BAYU Unimas sekali lagi mengukir kejayaan buat Unimas dengan menjuarai Festival Tari MAKUM anjuran Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Majlis Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM). Kejayaan ini merupakan kejuaraan kali kedua berturut-turut Kumpulan Tari BAYU Unimas menjulang Piala Pusingan YAB Ketua Menteri Sarawak.

Dalam pertandingan tersebut juga Kumpulan Tari BAYU Unimas berjaya membawa pulang anugerah Koreografer Tari Terbaik (Sdr Affendi Sebli) dan Kostum Tari Terbaik.

## Sirih Junjung

*Sirih pinang sirih dagang,  
Kapur dan gambir dalam celepa,  
Sudilah sirih sekapur seorang,  
Tanda adat pembuka kata.*

*Sirih junjung sirih pinang,  
Sirih adat susun bertingkat,  
Adat disanjung pusaka dikenang,  
Bangsa berbudi hidup muafakat.*

*Sirih kuning diberi nama,  
Sirih tanya berserta cincin,  
Hidup berunding muafakat bersama,  
Bangsa mulia budaya terjamin.*

*Sirih junjung diberi nama,  
Sirih hamba didalam tampi,  
Adat dijunjung, adab dijaga,  
Resam budaya hingga kini.*

*Makan sirih berppinang tidak,  
Pinang muda dalam raga,  
Makan sirih mengenyang tidak,  
Kerana cantik budi bahasa.*

*Sirih kuning sirih dara,  
Sirih hamba susun bertingkat,  
Sirih sekapur persembahan saya,  
Minta disimpan sepanjang hayat.*

*Daun sirih jangan dikait,  
Kalaulah kait mematah layu,  
Senyum hormat berbuat baik,  
Adat budaya bangsa Melayu.*

*AM.Fairus*

# Pertandingan Logo

Pertandingan Mencipta Logo antara Kolej Kediaman Pelajar Unimas telah diadakan dari 11 hingga 30 Ogos 2003 yang lalu di semua kolej kediaman pelajar, kecuali Kolej Perubatan memandangkan kolej berkenaan telahpun mempunyai logonya sendiri. Pertandingan tersebut terbuka kepada semua penghuni kolej dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan melebihi 40 orang secara keseluruhannya.

Sesi pengadilan telah dibuat secara dua peringkat iaitu di peringkat kolej dan di peringkat Pusat Pemajuan Pelajar (PPP). Pengadilan di peringkat kolej diketuai oleh Pengetua, Felo dan Penolong Pengurus Asrama dan sebanyak 10 penyertaan terbaik telah dipilih sebelum diserahkan ke PPP untuk diadili oleh juri profesional iaitu Dekan FSGK, Prof. Madya Ahmad Khiri Mohd. Zain, Dekan PPP, Prof. Madya Mohd. Fadzil Abd. Rahman, dan

Encik Kamarul Amir Mohamad di Bilik Meranti pada 16 September 2003. Keputusan juri profesional telah diperakukan oleh Naib Canselor Unimas bagi membolehkan logo-logo yang terpilih digunapakai di kolej kediaman masing-masing. Sesi penyampaian hadiah telah dilangsungkan di Bilik Meranti pada 27 September 2003 dan disampaikan oleh Prof. Hj. Sulaiman Hj. Hanapi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Unimas.

## Johan Logo Kolej Sri Samarahan



Tempat Pertama : Muhammad Shahril Ariffin  
Tempat Kedua : Jason Tie Ching Ho  
Tempat Ketiga : Muhd Indera Kesuma b. Mohd Jamil

Konsep yang digunakan untuk rekaan logo ini ialah kecemerlangan. Kecemerlangan yang dimaksudkan ialah kecemerlangan dalam kehidupan para pelajar di universiti yang tinggal dalam satu kawasan kediaman. Dalam kawasan kediaman inilah para pelajar akan berusaha untuk hidup berdikari bagi mencapai sasaran atau matlamat hidup sebagai seorang pelajar. Di dalam logo ini, kawasan kediaman dapat diwakili melalui simbolik bentuk rumah yang dilukis separuh, manakala sasaran atau matlamat hidup dapat diwakili melalui bentuk bulat yang berwarna merah.

Ilmu pengetahuan yang pelbagai adalah perkara penting bagi pelajar, oleh itu buku adalah bersesuaian untuk menonjolkan ilmu pengetahuan dan ia dapat dibentuk melalui lengkung-lengkung kecil yang berwarna biru dan putih. Bentuk bulat berwarna merah juga melambangkan pelajar seolah-olah sedang membaca buku dalam sebuah rumah. Warna biru dan merah keseluruhannya membawa maksud keharmonian dan semangat para pelajar.

## Johan Logo Kolej Sri Muara



Tempat Pertama : Azliza Yeop Abdullah  
Tempat Kedua : Sarinah Hj Masni  
Tempat Ketiga : Jalal b. Jantan

Rekaan logo berkonsepkan persefahaman serta ilmu pengetahuan.

Bentuk orang melambangkan pensyarah atau pengetua/felo kolej, pelajar dan rakan-rakan yang tinggal dalam satu kawasan kediaman dan bentuk ini diwakili melalui penggunaan warna putih yang melambangkan kesempurnaan dan cara hidup yang sihat.

Bentuk buku melambangkan ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh para pelajar di universiti dan ini diwakili dengan penggunaan warna kuning pada logo.

Bentuk rumah melambangkan tempat tinggal pelajar yang diwakili oleh warna biru dan merah untuk menunjukkan semangat kerjasama serta perpaduan yang dilahirkan oleh ahli-ahli rumah.

## Johan Logo Kolej Tun Ahmad Zaidi



Tempat Pertama : Zulhaimi Ramli  
Tempat Kedua : Hj Anizan Hj Basar  
Tempat Ketiga : Abdullah Anas b. Abu Bakar

Logo berkonsepkan rantaian muhibbah. Imej bujur bersilang menandakan semangat bersatu padu di antara penghuni blok di dalam kolej.

Warna yang berlainan mewakili pelbagai kaum dan bangsa di Malaysia yang sama-sama menimba ilmu dan mendiami kolej ini dengan aman dan harmoni.

Ruang bulatan bersalur di dalam logo merupakan simbolik kepada tangan yang saling memimpin tanda persefahaman dan kerjasama yang erat di antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, agama dan taraf kedudukan.

- Warna merah - simbolik kepada semangat yang kukuh di kalangan penghuni kolej dalam menimba ilmu dan sifat kesetiakawanan.
- Warna biru - simbolik kepada keharmonian dan keamanan dalam persekitaran kolej iaitu para penghuni dapat mengecapi keselesaan belajar dan beriadah dalam segenap ruang.
- Warna kuning - simbolik kepada keselamatan penghuni kolej yang sentiasa terjamin dan sentiasa sedaya upaya mengekalkan kerukunan dalam satu komuniti yang bersepadu.

## Johan Logo Kolej Kenari



Tempat Pertama : Elia Hamila Abd Hamid  
Tempat Kedua : Chan Wang Xin  
Tempat Ketiga : Loo Seok Kien

Logo berkonsepkan semangat perpaduan serta ilmu pengetahuan. Semangat perpaduan yang diwujudkan di kalangan penghuni kolej serta pensyarah atau felo kolej yang saling membantu serta membentuk hubungan erat bagi menjamin keharmonian hidup dalam satu kawasan kediaman.

Penjelasan ini dapat diwakili melalui bentuk orang yang direka seumpama sedang saling berpimpin tangan yang diwakili oleh warna biru tua bermaksud perpaduan dan bentuk bulat berwarna hijau diluarnya mewakili kawasan kediaman, iaitu warna hijau melambangkan keindahan kawasan kolej serta suasana selesa yang dinikmati oleh pelajar dalam menuntut ilmu.

Warna biru muda mewakili pelajar junior dan warna biru tua di dalam bulatan mewakili pelajar senior yang sama-sama mewujudkan keharmonian di kolej.

Bentuk buku yang dilukis menjadi lengkung-lengkung kecil berwarna kuning mewakili ilmu pengetahuan iaitu warna kuning memberi maksud cita-cita atau harapan untuk berjaya dalam menuntut ilmu pengetahuan.

## Logo Kolej Perubatan



- Warna - Menggunakan warna logo Unimas (merah, kuning & biru) dan warna FPSK (hijau).
- Bulatan - Melambangkan pembangunan pelajar yang menyeluruh.
- Lubang di dalam bulatan bermaksud penghuni kolej bersikap terbuka dalam menerima idea dan cabaran baru.
- Juga membawa maksud pencapaian fakulti yang tiada batasan dan masih berpotensi untuk terus berkembang.

Dua segitiga di dalam bulatan

- Dua petunjuk anak panah mewakili dua prinsipal utama dalam perubatan iaitu prinsip kejujuran dan amanah yang membimbing pelajar dalam bidang perubatan.

maksud lain

- Lambang dua gunung seiring mewakili Gunung Santubong dan Sejinjang iaitu simbol warisan Sarawak.
- Warna biru melambangkan gunung yang tinggi dan jauh.

10 bentuk rod di tengah

- Mewakili semangat saling bantu membantu dengan 10 jari iaitu 10 jari untuk kita merasa dan menyelesaikan tugas sebagai seorang doktor atau jururawat.

maksud lain

- Bentuk seperti aurora menunjukkan keunikan kolej dan penghuninya.

ISSN 1675-2651



9 771675 265001